## NOTIS PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 9(2) &13(2)

# PEMERIKSAAN

## DRAF RANCANGAN STRUKTUR LABUAN DAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN LABUAN

### AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)

Menurut subseksyen 9(2) dan 13(2) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) dengan ini diberitahu bahawa salinan Draf Rancangan Struktur dan Draf Rancangan Tempatan tersebut di atas boleh diperiksa bermula dari **30 Disember 2011 hingga 27 Januari 2012 pada waktu pejabat di tempat berikut:**

**Tempat : Ruang Legar, Perbadanan Labuan,
Wisma Perbadanan Labuan**

Orang awam adalah dijemput untuk memeriksa Draf Rancangan Struktur dan Draf Rancangan Tempatan berkenaan. Bantahan atau representasi boleh dibuat secara bertulis atau melalui laman web selewat-lewatnya pada **27 Januari 2012**. Semua bantahan atau representasi boleh dialamatkan kepada :

Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan,
Wisma Perbadanan Labuan, Jalan Merdeka, Peti Surat 81245,
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN.
Tel : 087-426862/087-408754
Fax : 087 428997
atau
**Laman web : www.pl.gov.my**

Bantahan atau representasi berkaitan dengan Draf Rancangan Struktur dan Draf Rancangan Tempatan tersebut hendaklah menyatakan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan alasan-alasan kenapa bantahan atau representasi itu dibuat.

# Draf Rancangan Struktur & Draf Rancangan

# Publisiti & Penyertaan Awam LABUAN 2030

**APAKAH RANCANGAN STRUKTUR LABUAN?**
Rancangan Struktur Labuan adalah satu pernyataan bertulis yang merumuskan Dasar & Cadangan am berkenaan dengan pemajuan dan penggunaan tanah di Labuan termasuk langkah untuk memperelokkan persekitaran hidup dari segi fizikal, memperelokkan perhubungan, menguruskan lalulintas, memperelokkan kesejahteraan sosio-ekonomi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan untuk memudahkan pemajuan yang mampan.

**APAKAH RANCANGAN TEMPATAN LABUAN?**
Rancangan Tempatan merupakan dokumen yang mengandungi suatu peta dan pernyataan bertulis yang merumuskan secara terperinci mengenai cadangan untuk memajukan, menggunakan tanah dalam melindungi dan memperelokkan alam sekitar dari segi fizikal bagi memelihara topografi semulajadi, memperelokkan landskap, memelihara dan menanam pokok, mengadakan tanah lapang, memelihara dan mengindahkan ciri dan rupa bangunan, memperelokkan sistem komunikasi dan menguruskan lalulintas.

**APAKAH HAK ANDA?**
Semua penduduk Labuan dan orang-orang berkepentingan mempunyai hak dan peluang untuk membuat representasi sama ada pandangan atau bantahan terhadap kandungan Draf Rancangan Struktur tersebut seterusnya mengemukakan pandangan atau bantahan berkaitan cadangan-cadangan yang telah dibentuk di dalam Draf Rancangan Tempatan. Pihak Perbadanan Labuan sangat mengalu-alukan sebarang bentuk cadangan atau bantahan untuk menambahbaik pelan yang telah disediakan.

**PERANAN ANDA?**
Langkah mudah untuk melibatkan diri dalam Perancangan Pembangunan Labuan

1. Menghadiri sesi Publisiti dan Penyertaan Awam antara 30 Disember hingga 27 Januari 2012 pada waktu pejabat di Ruang Legar Wisma Perbadanan Labuan untuk menyemak cadangan pembangunan serta Lot-Lot tanah anda;
2. Anda boleh memberi pandangan,cadangan serta bantahan berkaitan Draf Rancangan Struktur dan Draf Rancangan Tempatan Labuan melalui borang atau memorandum atau laman web: **http://www.pl.gov.my** dan lain-lain; dan
3. Hantarkan kepada para petugas pameran publisiti atau ke alamat:




Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan,
Wisma Perbadanan Labuan,
Jalan Merdeka, Peti Surat 81245,
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
Tel: 087-426862/087-408754
Fax : 087 428997


